

MB seru umat Islam mengubah sikap

PARIT BUNTAR, Khamis — Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh menyeru umat Islam jadikan tema Musabaqah Membaca Al-Quran tahun ini "Berdisiplin dan kesungguhan bekerja dalam Islam" sebagai pengangan kuat bagi mencapai cita-cita di dunia dan akhirat.

"Segala rezeki di bumi Allah ini adalah milik semua, tetapi ia tidak akan datang secara menggolek, tanpa usaha dan ikhtiar kita sendiri," tambah beliau.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed berkata, beliau berhasrat melihat umat Islam mengubah sikap mereka berusaha dalam mengejar kejayaan, tanpa bergantung segala-galanya kepada kerajaan.

Demikian dinyatakan

oleh beliau dalam ucapan yang dibacakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Encik Shamsuddin Haji Din ketika merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Negeri Perak di Padang Perbadaran di sini malam ini.

Aktiviti

Seramai 20 qari dan qariah termasuk Johan menunggu lelaki dan wanita mengambil bahagian dalam musabaqah selama tiga malam itu.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed berharap umat Islam memikir lebih jauh akan segala faedah yang perlu ditinggalkan bagi kesenangan generasi akan datang agar mereka tidak "terabara-raba" menghadapi hari depan.

Terdahulu dari itu, anggota Exco Agama Kerajaan Negeri, Haji

Mior Aris bin Mior Abu Bakar menyeru umat Islam mempunyai semangat membanting tulang dan bersatu dalam usaha mengembangkang ajaran yang satu.

Majlis Hal-ehwal Agama Islam, katanya akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan faedah kepada kaum muslimin tanpa mengutamakan mana-mana pihak.

Haji Mior Aris yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Lubuk Merbau berharap umat Islam mengeneppikan apa jua perbezaan pendapat demi kepentingan agama yang diperturunkan oleh Allah menerusi Nabi Muhammad s.a.w.

Selepas musabaqah itu Kerajaan Perak menghadapi persiapan peringkat kebangsaan pula yang julung-julung kali dilangsungkan di Ipoh.